

Malam Perkenalan:

# TANAH AIR KITA

## GERAKAN KEMERDEKAAN MALAYA DI PALEMBANG

Menurut siaran akbar “Abadi” Jakarta bahawa pada bulan yang lalu, badan “Gerakan Kemerdekaan Malaya Raya” telah mengadakan suatu perjumpaan di Palembang, sebagai menyokong gerakan kemerdekaan Malaya secara politik dari luar negeri.

Malam perkenalan tersebut dihadiri oleh Gabenor S. S. Wirono, Residen Palembang Abdul Razak, Ketua D. R.P.S.S Ali Katmir, beberapa orang anggota D.P.D Propisi dan kalangan terkemuka.

### SINGAPURA DICIPTAKAN

Oleh Putera Indonesia

Dalam kata sambutannya, atas nama sendiri, Residen Palembang Abdul Razak telah mengucapkan selamat atas berdirinya pertubuhan tersebut.

Tong Chai, Anggota D.P.D Propisi dalam kata sambutan menggatkan, bahawa jika ke Residen Bengkulu tidak ditukarkan dengan Belanda, maka menunaikan akan berlayanlah jalan sejarah Indonesia. Selain dikatakan bahawa seorang demokrat dari Indonesia, iaitu Demang Lebar Daun telah mendirikan suatu kota yang akhirnya bernama “Singapura” itu sekarang.

Setelah itu ketua D.P.R. Ali Katmir menghuraikan

serba ringkas perjuangan rakyat Malaya untuk menuju kemerdekaan, Dalam hal itu banyak sekali terdapat persamaan dengan Indonesia. Umpamanya sahaja mengenai bandaraya merah putih. Maka Malaya hanya menambah dengan sebelah keris kuning di tengah-tengah sebagai lambing kepercayaan kemerdekaan.

### JANGAN HANYA IKUT-IKUTAN

Gabenor Sumatera Selatan Wirono dalam kata sambutannya memperingatkan supaya pertubuhan ini dibentuk- Janganlah kerana dasar ikut-ikutan.

Untuk melaksanakan perjuangan yang suci ini, hendaklah kita berpendoman kepada pengertian “etika” iaitu suatu pengertian yang menyatakan- bahawa kemerdekaan itu adalah hak tiap-tiap manusia. Oleh sebab itu pelajarilah sejarah India yang dahulu juga menjadi jajahan Inggeris. Pelajarilah dengan teori dan praktik yang telah ada- katanya.

Gabenor Wirono mengatakan lagi, bahawa dengan persidangan Asia-Afrika, maka bukan sahaja Indonesia yang menjadi pengkalangan gerakan itu, tetapi negara-negara lain pun dapat dijadikan pengkalangan perjuangan.

Setelah beberapa pensyarah lagi memberi sumbangan maka majlis itu ditutup dengan nyanyian semenanjung.